

## **Penilaian Pelaksanaan Program Tunas Bistari Dalam Pembangunan Budaya Keusahawanan Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian Johor**

Mohd Hassan B. Mohd Osman & Haslizah Binti Rohman  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak** : Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan Program Tunas BISTARI dalam pembangunan budaya keusahawanan di sekolah menengah. Tinjauan dekskriptif digunakan bagi mencapai objektif kajian. Seramai 45 orang pelajar dan 6 orang guru dari 3 buah sekolah di Daerah Pontian telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Kajian dijalankan dengan menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada pelajar dan menjalankan temubual bagi guru-guru berkenaan. Analisis data adalah dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science for window version 11.5 (SPSS)*. Aspek-aspek yang dikaji adalah dari segi pengurusan program latihan Tunas BISTARI, kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan, cara penyampaian penceramah dan juga pengaplikasian ilmu oleh pelajar. Hasil kajian didapati pelajar dan guru yang mengikuti Program Tunas BISTARI berpuas hati dengan cara pengurusan program latihan di mana pelajar mengatakan bahawa Program Tunas BISTARI diuruskan dengan baik. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan latihan, pelajar amat berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan di dalam program. Dari segi penyampaian penceramah, majoriti pelajar mengutarakan kepuasan mereka dengan kualiti penyampaian penceramah dan pelajar menyatakan bahawa mereka telah mengaplikasi ilmu pengetahuan, pengalaman hasil daripada mengikuti program tersebut. Akhir sekali, cadangan yang bernas dikemukakan bagi meningkatkan lagi Program Tunas BISTARI yang dianjurkan oleh Pihak Johor Corporation (JCorp).

**Katakunci** : pelaksanaan program tunas bistari, pembangunan budaya keusahawanan,

### **Pengenalan**

Malaysia akan menjadi negara yang maju apabila Wawasan 2020 tercapai. Bagi membantu mencapai wawasan tersebut, negara kita memerlukan lebih ramai usahawan terutamanya usahawan Bumiputera. Ini ada tertulis dalam Rancangan Malaysia Ke-9, dimana kementerian dipertanggungjawab dalam membangunkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing. Oleh itu, kerajaan berusaha mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Pada 8 Mei 1995, tertubuhnya Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Objektif utama Kementerian ini adalah untuk mewujudkan dan membangunkan usahawan yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing dalam sektor ekonomi yang berkembang dan berpotensi di samping memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat Malaysia merupakan negara yang mampu melahirkan usahawan yang berkualiti dan beretika. Misi Kementerian Pembangunan Usahawan ialah membantu mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, manakala visinya adalah untuk mewujudkan masyarakat Bumiputera yang akan menjadi teras kepada pencapaian Wawasan 2020.

Program-program latihan keusahawanan adalah amat penting untuk melahirkan usahawan di negara kita terutama bagi kaum Bumiputera. Fokus utama adalah pembudayaan keusahawanan di kalangan generasi muda terutama pelajar sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Program yang dilaksanakan melalui Kelab Tunas Bistari bagi pelajar sekolah menengah yang ditaja oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi masing-masing dan Pembangunan Usahawan Muda (PUM) yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang ditaja oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan universiti-universiti tempatan.

## **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah yang dinyatakan, maka kajian ini bertujuan untuk membuat penilaian pelaksanaan Program Tunas BISTARI dari persepsi pelajar dan guru dari segi pengurusan program, kemudahan-kemudahan yang disediakan dalam program, cara penyampaian penceramah serta aplikasi pelajar yang telah mengikuti program tersebut.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah :

- i. Mengetahui tahap pengurusan program latihan Tunas BISTARI sesuai, baik dan teratur.
- ii. Menentukan tahap kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan dalam Program Tunas BISTARI sesuai dan lengkap
- iii. Menentukan tahap kepuasan pelajar dengan cara penyampaian penceramah dalam Program Tunas BISTARI
- iv. Menentukan tahap aplikasi pelajar yang mengikuti Program Tunas BISTARI

## **Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan secara saintifik dan teratur akan memberikan manfaat kepada pelbagai golongan terutamanya penyelidik dan perancang agenda pada masa depan. Oleh yang demikian, di harap kajian yang dilakukan dapat membantu warga pendidikan dalam membantu generasi muda untuk cenderung berkecimpung dalam dunia usahawan pada masa hadapan. Antara kepentingan kajian terhadap golongan sasaran penyelidik ialah:

**Individu** : Pelajar yang dapat mengikuti Program Tunas BISTARI akan sedar bahawa program Tunas BISTARI dapat membuka minda mereka dan memberi pendedahan yang baik kepada mereka jika mereka ingin menceburi bidang keusahawanan apabila keluar bekerja kelak. Segala peluang dan latihan yang telah disediakan oleh berbagai pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi membentuk diri individu untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya di masa hadapan perlu digunakan sepenuhnya untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman. Bukannya hanya sebagai satu cara untuk memenuhi kehendak aktiviti ko-kurikulum sekolah yang terlibat dengan program.

**Guru** : Memberi kesedaran kepada guru, khususnya guru penasihat Kelab Tunas BISTARI bahawa peranan mereka adalah penting dalam membantu meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman ahli bagi menanam minat mereka untuk memilih kerjaya keusahawanan. Kebolehan guru untuk memimpin dan memotivasikan pelajar ke arah hala tuju yang betul serta boleh membantu meningkatkan minat pelajar untuk terus menceburi bidang keusahawanan apabila mereka dewasa kelak. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat membantu guru-guru untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan di dalam menjalankan aktiviti yang telah dirancang dan diamanahkan kepada mereka untuk dilaksanakan .

**Jabatan Pelajaran Negeri** : Jabatan Pelajaran Negeri khasnya bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ) boleh mengambil tindakan yang proaktif terhadap kelemahan yang dikenal pasti. Pemupukan minat ke arah pemilihan kerjaya sebagai usahawan pada masa hadapan boleh disemai melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang dengan rapi di samping menyediakan kemudahan dan bantuan yang berterusan sama ada dalam bentuk sumber ilmu, kewangan dan juga infrastruktur yang bersesuaian.

**Kementerian Pelajaran Malaysia** : Kementerian Pelajaran Malaysia khasnya bahagian Bahagian Teknik & Vokasional yang bertanggungjawab secara langsung di dalam menjalankan misi kerajaan ke arah membentuk masyarakat yang berorientasikan perniagaan dan perdagangan. Hasil kajian ini akan memberikan maklumat tentang kekuatan dan kelemahan program yang

sedia ada pada masa ini dan seterusnya boleh mengambil langkah yang wajar bagi mengatasi segala kelemahan yang sedia ada.

**Johor Corporation (JCorp)** : Hasil kajian ini akan memberi maklumat kepada Johor Corporation (JCorp) tentang kekuatan dan kelemahan program yang telah disediakan. Selain itu, pihak Johor Corporation dapat menambatkan kelemahan yang terdapat dalam program tersebut.

### **Skop Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas sekolah- sekolah menengah di daerah Pontian yang terlibat dalam Program Tunas BISTARI. Sebanyak 3 buah sekolah yang telah terpilih dalam menjalankan kajian ini. Dalam kajian ini juga, seramai 45 orang pelajar dan 6 orang guru akan dijadikan sampel dan pelajar yang terlibat adalah pelajar tingkatan 2 dan tingkatan 4.

### **Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian deskriptif. Kajian deskriptif ini adalah kajian berbentuk tinjauan. Melalui kajian deskriptif ia bertujuan mendapatkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku ataupun gambaran yang berkaitan dengan keadaan. Kaedah ini adalah sesuai digunakan kerana ia bertujuan untuk mengumpulkan segala maklumat mengenai pembolehubah.

Menurut Mohamad Najib (1999), kaedah tinjauan deskriptif sesuai digunakan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara dua pemboleh ubah. Sehubungan dengan itu, jenis kajian deskriptif yang digunakan dalam penyelidikan ialah kajian tinjauan. Dalam kajian ini, pengumpulan data dan maklumat dibuat dengan menggunakan borang soal selidik bagi menilai pelaksanaan Program Tunas BISTARI dalam pembangunan budaya keusahawanan di sekolah.

### **Populasi dan Persampelan**

Populasi merupakan jumlah keseluruhan kumpulan yang hendak dikaji. Menurut Mohd Majid (1990) populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan yang lain. Manakala persampelan adalah sebahagian daripada sesuatu populasi. Menurut Mohd Majid (1990) persampelan merupakan strategi penyelidikan bilamana penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Maklumat yang didapati daripada sampel boleh digunakan bagi menganggarkan maklumat tentang populasi yang dikaji. Mohamad Najib (1999) pula mengatakan bahawa sampel adalah sumber untuk mendapatkan data. Penggunaan sampel dapat mengurangkan kos, masa dan tenaga (Khalid 2003).

Dalam kajian ini, populasi adalah sekolah-sekolah menengah yang terdapat di Daerah Pontian yang telah menyertai Program Tunas BISTARI. Dalam satu populasi yang besar, penyelidik mungkin tidak berupaya untuk menjalankan kajian. Sehubungan itu 30 peratus daripada populasi sudah mencukupi untuk dijadikan persampelan kajian (Mohamad Najib,1999). Bersandarkan kepada pendapat berkenaan, penyelidik telah memilih 3 buah sekolah daripada 7 buah sekolah di daerah Pontian yang telah terlibat dalam Program Tunas BISTARI. Pemilihan sekolah di buat berdasarkan kepada persampelan rawak mudah iaitu dengan menggunakan Cabutan Nombor Rawak. Menurut Khalid (2003) persampelan rawak mudah merupakan teknik yang sesuai digunakan jika populasi yang di kaji mempunyai ciri-ciri yang seragam di mana teknik asas yang digunakan adalah menggunakan sistem undian yang membolehkan setiap individu dalam populasi mempunyai peluang untuk dipilih sebagai sampel.

Dalam menjalankan kajian ini seramai 45 orang pelajar serta 6 orang guru dijadikan sampel kajian. Ini kerana setiap sekolah mempunyai 15 orang pelajar sahaja yang mengikuti Program Tunas BISTARI dan 2 orang guru dan pelajar tersebut adalah pelajar Bumiputera. Ini adalah syarat dari

Johor Corporation (JCorp) sendiri di mana mana-mana sekolah yang ingin mengikuti Program Tunas BISTARI hanya boleh menghantar seramai 15 orang pelajar Bumiputera sahaja dan 2 orang guru. Pelajar yang terlibat dalam program ini adalah pelajar tingkatan 2 dan pelajar tingkatan 4.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah merupakan satu set borang soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklumbalas. Menurut Mohamad Najib (1999), kaedah kajian menggunakan borang soal selidik merupakan satu kaedah yang paling popular digunakan di kalangan penyelidik kerana mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data juga senang diproses untuk dianalisis. Soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan maklumat kerana data yang diperolehi melalui kaedah soal selidik adalah lebih tepat. Disamping itu, masa, tenaga dan kos perbelanjaan kajian dapat dijimatkan. Ini di sokong oleh Khalid (2003), teknik soal selidik merupakan teknik yang tidak memerlukan penyelidik untuk hadir secara konsisten di kalangan sampel atau subjek.

Penggunaan soal selidik tertutup atau memilih jawapan yang disediakan amat baik kerana ia tidak memerlukan subjek berfikir atau kurang menggunakan ingatan dan boleh menjawab dengan cepat tanpa memerlukan kemahiran menulis. Selain itu, soal selidik ini amat sesuai kerana data-data yang diperolehi lebih teratur dan jelas (Mohd Majid 1990). Ini di sokong oleh Khalid (2003) penggunaan soal selidik merupakan alat pengumpulan data yang banyak di guna pakai di kalangan penyelidik. Soal selidik berupaya mengumpul data secara terperinci, tersusun dan piawai.

Penyelidik juga menggunakan kaedah temubual bagi menemubual guru pembimbing yang terlibat dalam Program Tunas BISTARI bagi mendapatkan pandangan mereka tentang program tersebut.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan untuk menilai keesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik sebelum kajian sebenar dijalankan dan untuk mengetahui sejauh mana responden memahami item-item yang dikemukakan. Ini bertujuan supaya penyelidik dapat menjadikannya sebagai panduan memperbaiki item-item yang dikemukakan sebelum kajian sebenar dijalankan.

Kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel sebenar yang hendak di uji. Saiz sampel kajian rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi perbincangan awal yang berkesan tentang ujian iaitu 6 hingga 9 orang (Mohamad Najib,1999). Di dalam kajian ini, kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar yang telah mengikuti Program Tunas BISTARI dan mereka bukan dari sampel kajian yang terpilih. Ujian yang dijalankan secara ujian sekali untuk menentukan kebolehpercayaan soalan soal selidik sebelum digunakan kepada responden sebenar.

Keputusan yang diperolehi hasil daripada kajian rintis ini telah diproses dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science for window version 11.5 (SPSS for windows)* bagi mendapatkan koefisien Alpha Cronbach, nilai alpha yang diperolehi adalah 0.9450. Menurut Mohd Majid (1990),pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan. Oleh itu soal selidik ini sesuai dan boleh digunakan kerana nilai Alpha Cronbach melebihi 0.6. Sekiranya nilai Alpha Cronbach kurang daripada 0.2, soal selidik tersebut tidak boleh digunakan,manakala apabila nilai alpha antara 0.2 dan 0.4 menandakan soal selidik perlu diperbaiki jika ingin digunakan semula (Mohamad Najib,1999).

## Keputusan

**Jadual 1 :** Analisis kekerapan, peratusan dan min bagi pengurusan program latihan Tunas BISTARI

Bil	Item-Item	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		F	%	F	%	F	%	
1.	Lokasi program latihan amat sesuai dan strategik	3	6.7	12	26.7	30	33.4	3.66 Sederhana
2.	Saya telah diberitahu dengan jelas tentang tentatif program latihan	0	0.0	6	13.3	39	43.3	4.08 Tinggi
3.	Saya telah diberitahu dengan jelas tentang tarikh dan masa program latihan	1	2.2	5	11.1	39	43.4	4.11 Tinggi
4.	Saya telah diberitahu dengan jelas tentang tempat program latihan	0	0.0	8	17.3	37	41.1	4.15 Tinggi
5.	Secara keseluruhan, program latihan telah diuruskan dengan baik dan teratur	1	2.2	8	17.3	36	40	4.08 Tinggi
<b>JUMLAH PURATA/MIN</b>		<b>1</b>	<b>2.2</b>	<b>8</b>	<b>17.3</b>	<b>36</b>	<b>40.2</b>	<b>4.02</b> <b>Tinggi</b>

Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan kajian tentang pengurusan program latihan Tunas BISTARI. Item nombor 4 merupakan min yang tertinggi iaitu 4.15 dan berada pada tahap tinggi. Seramai 37 orang responden atau 41.1% telah menyatakan setuju bahawa peserta telah diberitahu dengan jelas tentang tempat program latihan. Bilangan responden yang tidak pasti pula seramai 8 orang responden atau 17.8%. Tiada responden yang tidak bersetuju mengenai item ini.

Manakala bagi item nombor 1 iaitu mengenai lokasi program latihan merupakan min item yang terendah iaitu sebanyak 3.66 dan min bagi item ini berada pada tahap sederhana. Item ini juga merupakan item yang tertinggi menyatakan tidak setuju iaitu seramai 3 orang responden atau 6.7%. Manakala 12 orang responden atau 26.7% menyatakan tidak pasti.

Bagi keseluruhan dapatan hasil analisis mengenai pengurusan program latihan Tunas BISTARI, seorang sahaja responden atau 1.1% menyatakan tidak bersetuju, diikuti 8 orang responden atau 17.3% menyatakan tidak pasti. Manakala seramai 36 orang responden atau 40.2% menyatakan setuju. Bagi min keseluruhan mengenai pengurusan program latihan ini adalah sebanyak 4.02 dan berada pada tahap tinggi.

Peratus responden yang setuju lebih tinggi iaitu sebanyak 40.2%, ini berbanding dengan peratusan responden yang tidak bersetuju iaitu sebanyak 2.2%. Manakala peratusan responden yang tidak pasti adalah sebanyak 17.3%.

**Jadual 2 :** Analisis kekerapan, peratusan dan min bagi pengaplikasian pelajar dari Program Tunas BISTARI

Bil	Item-Item	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		F	%	F	%	F	%	
19.	Program ini telah memenuhi keperluan latihan saya tentang keusahawanan	1	2.2	8	17.8	36	40.5	4.06 Tinggi
20.	Program ini telah menambah pemahaman saya tentang keusahawanan	2	4.4	2	4.4	41	45.6	4.06 Tinggi
21.	Saya telah mempelajari sepenuhnya untuk meningkatkan diri saya untuk menjadi usahawan kelak	2	4.4	6	13.3	37	41.2	4.04 Tinggi
22.	Saya telah mengaplikasi setiap pengetahuan yang diikuti dari program	1	2.2	8	17.8	36	40	4.06 Tinggi
23.	Saya telah berkemampuan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dari latihan ini	2	4.4	5	11.1	38	42.2	4.13 Tinggi
<b>JUMLAH PURATA/MIN</b>		<b>2</b>	<b>3.5</b>	<b>6</b>	<b>12.9</b>	<b>38</b>	<b>41.9</b>	<b>4.07</b> Tinggi

Jadual 2 menunjukkan hasil dapatan kajian tentang aplikasi pelajar yang telah mengikuti Program Tunas BISTARI. Item nombor 23 merupakan item yang tertinggi berbanding dengan item yang lain. Min item ini adalah 4.13 dan berada pada tahap tinggi. Seramai 38 orang responden atau 42.2% menyatakan setuju bahawa mereka telah berkemampuan untuk menjalankan aktiviti perniagaan hasil dari mengikuti Program Tunas BISTARI. Manakala seramai 5 orang responden atau 11.1% menyatakan tidak pasti dan diikuti seramai 2 orang responden atau 4.4% menyatakan tidak setuju.

Bagi min yang terendah dalam soalan kajian ini adalah item nombor 21 iaitu sebanyak 4.04. Walaubagaimanapun item ini berada pada tahap tinggi. Dalam item ini, seramai 37 orang responden atau 41.2% menyatakan setuju bahawa mereka telah mempelajari sepenuhnya untuk meningkatkan diri untuk menjadi usahawan kelak. Hanya 2 orang responden atau 4.4% menyatakan tidak setuju dan diikuti responden yang menyatakan tidak pasti iaitu seramai 6 orang responden atau 13.3%.

Min bagi keseluruhan bagi soalan kajian ini adalah berada pada tahap tinggi iaitu 4.07. Responden yang menyatakan tidak setuju adalah seramai 2 orang responden atau 3.5%, diikuti responden yang tidak pasti iaitu seramai 6 orang responden atau 12.9. Manakala seramai 38 orang responden atau 41.9% menyatakan setuju.

### **Analisis Data Keseluruhan Persoalan Kajian**

Kesemua data-data dari persoalan kajian yang telah dianalisis akan dikumpulkan mengikut bahagian-bahagian masing-masing. Data-data ini dikumpulkan dalam satu jadual yang mengandungi kekerapan, peratus dan min. Data-data ini ditunjukkan dalam bentuk jadual 3.

**Jadual 3 :** Analisis kekerapan, peratus dan min setiap item bagi keseluruhan persoalan kajian.


Bil	Item-Item	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		F	%	F	%	F	%	
1.	Pengurusan program latihan Tunas BISTARI	1	2.2	8	17.3	36	40.2	4.02 Tinggi
2.	Kemudahan latihan yang disediakan dalam Program Tunas BISTARI	4	5.8	7	15.6	34	38	3.95 Tinggi
3.	Kepuasan pelajar dengan cara penyampaian penceramah	1	1.7	5	11.7	39	43.3	4.25 Tinggi
4.	Pengaplikasian pelajar	2	3.5	6	12.9	38	41.9	4.07 Tinggi
JUMLAH PURATA/MIN		2	3.3	7	14.4	37	40.9	4.07 Tinggi

Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan kajian bagi kesemua persoalan kajian yang telah dianalisis. Persoalan kajian yang nombor 3 merupakan min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.25 dan berada pada tahap tinggi. Seramai 39 orang responden atau 43.3% bersetuju dengan persoalan kajian ini. Hanya seorang sahaja responden atau 1.7% menyatakan tidak bersetuju dan diikuti seramai 5 orang responden atau 11.7% menyatakan tidak pasti.

Min yang terendah dalam keempat-empat persoalan kajian adalah soalan kajian nombor 2, dimana minnya adalah sebanyak 3.95. Walaubagaimanapun persoalan kajian ini berada pada tahap tinggi. Seramai 4 orang responden atau 5.8 % menyatakan tidak setuju dengan item tersebut. Bilangan responden yang tidak pasti pula seramai 7 orang responden atau 15.6%. Manakala responden yang menyatakan setuju adalah seramai 34 orang responden atau 38%.

Secara keseluruhannya, hasil analisis bagi kesemua persoalan kajian tersebut, seramai 2 orang responden atau 3.3% menyatakan tidak bersetuju, ini diikuti seramai 7 orang responden atau 14.4% menyatakan tidak pasti. Manakala seramai 37 orang responden atau 40.9 menyatakan setuju. Min keseluruhan bagi kesemua persoalan kajian ini adalah sebanyak 4.07 dan berada pada tahap tinggi.

Rajah 1 menunjukkan graf min hasil dapatan kajian bagi kesemua persoalan kajian yang telah dikemukakan kepada responden. Dalam keempat-empat graf di atas persoalan kajian mengenai penceramah merupakan min yang tertinggi iaitu 4.25%. Kemudian diikuti persoalan kajian aplikasi iaitu 4.07%, pengurusan 4.02%. Manakala persoalan kajian yang mendapat min terendah adalah merupakan persoalan kajian mengenai kemudahan iaitu sebanyak 3.95%.



**Rajah 1 :** Graf menunjukkan min keseluruhan bagi keempat-empat persoalan kajian.

### Perbincangan

Walaupun bagaimanapun, kemudahan alat bantu mengajar dalam program ini berada pada tahap sederhana iaitu 3.53 di mana seramai 7 orang responden atau 7.8% memperkatakan tidak setuju dengan kemudahan alat bantu mengajar (ABM). Dapatan ini merujuk pada Jadual 4.8. Alat bantu mengajar (ABM) merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan program pembelajaran. Ini kerana ia dapat menimbulkan rangsangan serta keinginan pelajar-pelajar untuk mengetahui sesuatu. Selain itu alat bantu mengajar ini untuk menjadikan pembelajaran agar lebih baik dan menarik serta dapat membantu pelajar memperolehi pengalaman belajar dengan lebih berfaedah. Alat bantu mengajar boleh di bahagikan kepada 3 bahagian iaitu media elektronik (slaid, overhead projector, CD, komputer, internet dan sebagainya), media bukan elektronik (suratkhbar, carta, model, papan hitam, papan putih dan sebagainya), corak pengalaman (lawatan, pameran dan sebagainya). Kesemua ini dapat membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Dari segi kemudahan bilik atau dewan latihan, bilangan responden bersetuju lebih tinggi berbanding dengan responden tidak bersetuju iaitu seramai 32 orang responden atau 35.6%. Mereka bersetuju bahawa bilik atau dewan latihan yang disediakan berada dalam keadaan teratur, kemas dan kondusif. Bilik atau dewan latihan merupakan tempat yang penting di mana mereka yang mengikuti Program Tunas BISTARI ditempatkan. Bilik atau dewan yang kemas dan teratur dapat memberi keselesaan kepada peserta. Menurut Atan Long (1982), keadaan bilik memainkan peranan penting dalam pengajaran kerana pelajar berasa gembira di dalam bilik darjah yang mempunyai suasana yang menyenangkan, kecerahan warna, kebersihan dan keselesaan perlu diberi perhatian supaya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan dan menyeronokkan disamping menjaga kesihatan para pelajar. Min bagi item ini adalah 3.82 yang menunjukkan bahawa kemudahan bilik darjah atau dewan latihan berada pada tahap tinggi.

Penceramah dalam sesuatu program boleh digelar sebagai guru. Ini kerana penceramah tersebut mengajar, membimbing serta menyampaikan ilmu pengetahuan kepada sesiapa sahaja. Sebagai seorang guru, mereka perlulah memiliki pengetahuan yang luas dengan subjek yang disampaikan, seorang guru perlulah bijak mempelbagai cara penyampaian dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik. Menurut Esah (2003), apabila seseorang guru itu mengajar, mereka perlulah mengaplikasikan pelbagai strategi dalam pengajaran. Strategi pengajaran yang di maksudkan adalah dengan menunjukkan kebijaksanaan memilih sesuatu pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti bagi sesuatu pengajaran.

Hasil daripada dapatan kajian, didapati bahawa min keseluruhan bagi cara penyampaian penceramah dalam Program Tunas BISTARI berada pada tahap tinggi iaitu 4.25. Dapatan ini merujuk pada Jadual 4.9. Antaranya ialah item nombor 17, di mana min bagi item ini menunjukkan



bahawa cara penyampaian penceramah berada pada tahap tinggi iaitu 4.33. Seramai 41 orang responden atau 45.6% menyatakan setuju. Seseorang penceramah yang bijak mempelbagaikan cara penyampaian akan dapat menarik minat pelajarannya untuk mempelajari dengan lebih mendalam selain mengelakkan pelajar berasa bosan. Menurut Atan Long (1982), salah satu sifat guru yang penting ialah menimbulkan minat pelajar terhadap pelajarannya. Selain daripada teknik pengajaran yang perlu dipelbagaikan, guru juga digalakkan menggunakan alat bantu mengajar (ABM) bagi mendorong meningkatkan lagi minat para pelajar terhadap sesuatu pelajaran.

Hasil daripada dapatan kajian, didapati bahawa min keseluruhan bagi pengaplikasian pelajar dari Program Tunas BISTARI adalah sebanyak 4.07. Dapatan ini merujuk pada Jadual 4.10. Ini menunjukkan bahawa pengaplikasian pelajar dari Program Tunas BISTARI berada pada tahap tinggi. Ini dapat dilihat apabila pelajar berkemampuan untuk menjalankan aktiviti perniagaan hasil dari mengikuti latihan Program Tunas BISTARI ini. Ini dijelaskan dalam item nombor 23, di mana seramai 38 orang responden atau 42.2% menyatakan setuju bahawa mereka berkemampuan menjalankan aktiviti perniagaan berbanding 2 orang responden atau 4.4% tidak bersetuju. Min bagi item ini berada pada tahap tinggi iaitu 4.13.

Seramai 36 orang responden atau 40% berpendapat bahawa mereka telah mengaplikasi setiap pengetahuan yang mereka perolehi dari program tersebut. Selain itu, seramai 37 orang responden atau 41.2% mengatakan bahawa mereka telah mempelajari sepenuhnya untuk meningkatkan keyakinan diri untuk menjadi usahawan kelak.

## **Rujukan**

- Atan Long (1982). Psikologi Pendidikan. Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur.: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ismail, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*.Cetakan Kedua. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Esah Sulaiman (2003). *Modul Pengajaran Asas Pedagogi*. Cetakan Pertama. Fakulti Pendidikan.: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ishak Ismail (1989). *Seminar Keusahawanan Untuk Siswazah*. Pulau Pinang.: Universiti Sains Pulau Pinang
- Kuratko, D.F and Hodgetts, R. M (2007). *Entrepreneurship Theory / Process/ Practise*. 7<sup>th</sup> ed.Thomson Higher Education.:Thomson South Western.
- Mohd Hassan B. Mohd Osman, Hishamuddin B. Md Som dan Mohd Fitri B.Khamis (2008).. *Kajian Analisa Latihan Keusahawanan Projek Kajian Pengesanan Usahawan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MeCD)*.UTM: Borang Soal Selidik
- Mohd Majid Konting. (1990) .*Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur.: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Aishah Buang (2002). *Asas Keusahawanan* . Edisi Pertama Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd:Shah Alam Selangor Darul Ehsan.
- Norasmah Hj Othman (2003). *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saat Sulaiman (2008). *Usahawan Cemerlang Tip & Panduan Keusahawanan*. Edisi Pertama. YEOHPRINCO SDN.BHD.:Utusan Publications & Distributors
- Widad Othman (1995). *Entrepreneurship And Vocational Education Identifying The Classroom Practice of Vocational Education Towards Integrating Selected Areas of Entrepreneurship Education Perceived As Important By Entrepreneurship*. Tesis.Ph.D. Universiti Teknologi Malaysia